

BUAT pertama kali memperkenalkan dirinya di Bangsa-bangsa Bersatu, Perdana Menteri kita, Datuk Seri Mahathir telah menyampaikan pidato sulung beliau yang disifatkan oleh para Menteri Luar ASEAN sebagai keras, tegas dan berterus terang.

Dr. Mahathir menunjukkan kepimpinan beliau yang tegas seperti yang beliau lakukan di Malaysia. Ucapannya tegas dan beliau menyentuh berbagai aspek".

Demikian kata Menteri Luar Thailand, Ketua Marsyal Udara Siddhi Savetsila ketika mengulas ucapan sulung Perdana Menteri itu.

Menteri Luar Indonesia, Prof. Mukhtar Kusumaatmadja dan Timbalan Perdana Menteri Singapura Encik Rajaratnam turut memuji ucapan Perdana Menteri kita yang berterus terang itu.

Kita sudah tentu merasa bangga bila beliau cuba memastikan bahawa badan dunia itu dapat terus dijadikan forum antarabangsa untuk mendengar, meneliti dan membuat tindakan sewajarnya untuk keperluan-keperluan sejagat.

Walaupun kesangsaan begitu menonjol terhadap kekesanan badan dunia itu, tetapi ia sudah pasti dapat memberi peluang kepada pemimpin dunia seperti Datuk Seri Mahathir menghuraikan pendapat-pendapat beliau yang telah menarik perhatian para wakil yang mengahdirinya.

Badan dunia itu telah diberitahu bahawa kerukunan antara bangsa sedang menderita akibat berba-



## SYAITAN DI DALAM UCAPAN MAHATHIR

gai krisis dari sengketa politik dan ketenteraan, kebantuan dan kemelesetan ekonomi, kemiskinan dan serba macam penindasan.

Semuanya ini telah meletakkan dunia di dalam keadaan yang begitu terancam hinggan harapan dan cita-cita murni manusia seperti sudah tidak wujud lagi.

Kuasa-kuasa besar umpamanya hanya datang ke badan dunia itu dengan berlagak sebagai samsing yang menggunakan segala keistimewaan "vito" masing-masing dan berpura-pura menutup segala dosa yang mereka lakukan dari penglibatan ganas di dalam konflik antara bangsa.

Pembunuhan kejam terhadap orang-orang Palestin sebagai contoh kekejaman kuasa besar yang melibatkan Israel dan Amerika Syarikat.

Isu ketidakadilan dalam hubungan ekonomi Utara-Selatan ia itu di antara negara-negara kaya dan miskin.

Peristiwa-peristiwa yang berlaku di Kampuchea, Afghanistan dan Lubnan membuktikan dengan jelas kerosakan-kerosakan yang mencemarkan tamadun manusia.

Perdana Menteri telah menyeru negara-negara membangun menyumbangkan peranan bagi memulihkan maruah dan kewibawaan pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai badan yang menjamin kestabilan dunia.

Negara-negara membangun memang selama ini merasai betapa kewibawaan dan maruah PBB sudah merosot keperingkat yang paling rendah di dalam memainkan peranannya yang sangat-sangat diperlukan.

"Kami yang lemah dan kecil hidup di dalam ketakutan dan bimbang dengan kemerdekaan kami, kesejahteraan kami, dan nyawa kami" ujar Perdana Menteri.

Siapakah syaitan yang menjadikan badan dunia itu begitu rupa?

Datuk Seri Mahathir menyeru kepada kuasa-kuasa besar supaya segera memberi nafas baru kepada PBB dengan cara menghormati keputusan-keputusan PBB serta menggunakan pengaruh mereka untuk memastikan badan dunia itu lebih berkesan.

Kita berdoa semoga PBB akan terus memberikan sumbangannya yang lebih positif dan semoga apa yang menjadi harapan manusia sejagat seperti yang diucapkan oleh Datuk Seri Mahathir akan mendapat restu Allah s.w.t. di dalam mengatasi segala sengketa yang mengancam manusia.